

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**NO. SOALAN : 165**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejak Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi struktur asas luar bandar diperkenalkan, berapa peratus projek mencapai sasaran di kawasan Parlimen Sibuti.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepanjang tempoh pelaksanaan **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pembangunan Luar Bandar** di antara tahun 2010 sehingga 2015, pencapaian **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** di kawasan Parlimen Sibuti adalah seperti berikut:

- i. **Projek Jalan Luar Bandar (JALB)** bertujuan untuk mempertingkatkan liputan dan memperbaiki rangkaian sistem jalan raya di kawasan luar bandar. Sehingga tahun 2015, sepanjang 1,438 km jalan telah dibina di Sarawak termasuk Jalan Balak. Ini meliputi 30 km jalan yang siap dibina di kawasan Parlimen Sibuti.
- ii. Selain itu, Kementerian di bawah **Program Jalan Perhubungan Desa (JPD)** telah berjaya membina / menaiktaraf / membaikpulih jalan-jalan kampung sepanjang 234 km di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 20 km jalan adalah di kawasan Parlimen Sibuti. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian mensasarkan untuk membina / menaiktaraf / membaikpulih jalan-jalan kampung sepanjang 540km di Sarawak.
- iii. **Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan bekalan air bersih atau terawat ke kawasan luar bandar, termasuk Masyarakat Orang Asli, agar taraf kesihatan dan kualiti hidup dapat dipertingkatkan. Bagi tempoh 2010 sehingga 2015, Kementerian telah membekalkan air bersih atau terawat kepada 85,565 buah rumah di Sarawak di mana 2,947 buah daripadanya terletak di kawasan Parlimen Sibuti.
- iv. **Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** memastikan kesediaan bekalan elektrik yang boleh di akses sepanjang hari oleh

penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Sehingga tahun 2015, projek ini telah menyalurkan bekalan elektrik kepada 75,316 buah rumah di Sarawak termasuklah 1,919 buah rumah di kawasan Parlimen Sibuti. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa Projek BELB yang masih dalam peringkat pelaksanaan di kawasan Parlimen Sibuti dan ia melibatkan penyaluran bekalan elektrik kepada 444 buah rumah.

- v. **Program Bantuan Rumah (PBR)** dilaksanakan bagi memenuhi hasrat Kerajaan dalam usaha menangani pembasmian dan pengurangan kadar kemiskinan luar bandar. Projek ini melibatkan pembinaan rumah baru dan membaik pulih rumah sedia ada untuk menyediakan kediaman yang selesa untuk golongan miskin di luar bandar. Sepanjang pelaksanaan NKRA Pembangunan Luar Bandar, program ini telah membantu sebanyak 27,746 buah rumah di Sarawak. Daripada jumlah ini, 590 buah terletak di Parlimen Sibuti yang melibatkan 182 buah rumah dibina baru dan 408 buah selebihnya menerima bantuan baik pulih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**DARIPADA** [ **SIBUTI** ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membina semula Pejabat Pendidikan Daerah Subis yang sudah tidak selamat untuk diduduki atau PPD Subis akan kekal di blok bangunan pinjam daripada SK Bekenu.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan bangunan baharu Pejabat Pendidikan Daerah Subis baru lulus dalam RMKe-11 1RP (2016). Untuk makluman, projek dalam proses *siting application* tapak baharu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG**

**[BAGAN]**

**SOALAN :**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian Talent Corp. sejak ditubuhkan sehingga kini. Berapa banyak 'bakat' yang telah berjaya dibawa balik ke Malaysia, berikan pecahan mengikut demografi, bidang kepakaran dan negeri asal. Berapa kos yang telah dibelanjakan secara keseluruhan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak *Returning Expert Programme* (REP) diterajui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bermula 2011 seramai lebih 3,700 bakat telah diluluskan untuk pulang ke Malaysia. Jumlah ini termasuklah 616 permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2015.

Menurut Laporan Bank Dunia bertajuk "*Improving the Effectiveness of TalentCorp's Initiatives: Assessment of Returning Expert Programme & Residence Pass-Talent*" pada Jun 2015, REP merupakan instrumen berkesan dalam menarik individu dengan kemahiran yang diperlukan Malaysia. Instrumen ini lebih efektif kepada 40% pemohon yang telah berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan di Malaysia sebelum permohonan REP dibuat dan kembali ke Malaysia setelah mendapat kelulusan.

Dari aspek analisa *cost-effectiveness* pula, analisis menunjukkan bahawa terdapat faedah bersih dari segi kewangan iaitu manfaat fiskal bersih sekitar kira-kira RM27,000 bagi setiap individu yang pulang ke Malaysia melalui REP. Anggaran tersebut tidak termasuk *positive economy-wide externalities* yang dijana oleh bakat yang berkemahiran tinggi tersebut selepas kembali bekerja.

Antara pemohon yang berjaya diluluskan dan telah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) khususnya mengikut sektor seperti berikut:

No.	Sektor	Pakar yang Pulang	Jawatan	Syarikat
1.	<b>Minyak &amp; Gas</b>	Iain John Lo	Pengerusi	Shell Malaysia Berhad
2.	<b>Kesihatan</b>	Prof. Dr. John Chan	Pakar Bedah Kardiotorasik	Hospital Umum Sarawak
3.	<b>Kewangan</b>	Foong Pik Yee	Ketua Pegawai Kewangan (CFO)	Hong Leong Bank Berhad
4.	<b>Elektronik</b>	Purushothuman Swaminathan	Timbalan Pengarah Operasi	Flextronics Technology(Penang) Sdn. Bhd.
5.	<b>Perakaunan</b>	Imran Rahim	Pengarah Eksekutif	Ernst & Young
6.	<b>Pembinaan</b>	Norlida Abdul Azmi	Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan	UEM Group Berhad

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan syor Bank Dunia dalam laporan ini, TalentCorp terus bertindak usaha menghubungkan bakat berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara dengan jaringan majikan dan peluang pekerjaan tersedia di dalam negara bertepatan dengan keperluan industri. Dalam maksud ini, peluang pekerjaan yang tersedia di Malaysia akan meningkatkan kecenderungan kepulangan profesional Malaysia di luar negara melalui REP. Inisiatif REP juga dari semasa ke semasa akan sentiasa dipantau dan ditambahbaik bagi memastikan ianya terus relevan dalam menyokong ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Bagi memperkasakan takungan bakat negara, TalentCorp juga turut bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dalam menerbitkan *Critical Occupations List* (COL) pada Disember 2015 yang menggariskan kekangan kemahiran di Malaysia. Bagi maksud ini, COL boleh

digunakan sebagai panduan dalam memudahkan kepulauan pakar-pakar dari luar negara dengan lebih strategik dan sistematik.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**SOALAN : 168**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah cadangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dilaksanakan serta berapa insiden bumbung jatuh dan bocor telah berlaku serta mangsa yang cedera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang supaya dapat menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Justeru, Kementerian ini telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dan kini masih dalam proses pertimbangan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 insiden yang melibatkan kejatuhan siling bangunan dan dilaporkan seorang kakitangan KLAS telah mengalami kecederaan. Walau bagaimanapun, mangsa tersebut telah diberikan rawatan yang sewajarnya dan kini telah pun bekerja semula.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**

**SOALAN** : **169**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah alasan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) mengurangkan jumlah operasi feri mulai 1 Januari 2016 dan tempoh masa operasi harian. Berapakah kekerapan “trips” atau perjalanan dijalankan oleh feri sehari sejak 2008. Apakah kerugian setiap tahun sejak ia mula operasi dan mengapakah bilangan feri tidak ditambah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada Oktober 2015, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) pernah mengemukakan cadangan permohonan kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) untuk mengubah jadual operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang mulai 1 Januari 2016 bagi mengoptimalkan operasi perkhidmatan dan kos operasi. Walau bagaimanapun, SPPP telah mengarahkan PPSB supaya mengekalkan jadual perkhidmatan feri yang sedia ada demi menjaga kepentingan pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan feri Pulau Pinang tidak mempunyai jadual pelayaran yang tetap memandangkan feri hanya akan berlayar apabila ia penuh dengan muatan kenderaan. Jadual purata kekerapan trip ulang-alik operasi feri sejak 2008 adalah seperti berikut:

Tahun	Purata Trip (Ulang-Alik) Sehari
2008	109
2009	107
2010	93
2011	84
2012	70
2013	70
2014	70
2015	62
2016 (Januari – Mac)	60

Dari tahun 2002 hingga 2015, perkhidmatan feri Pulau Pinang tidak dapat ditambah kerana perkhidmatannya telah mengalami kerugian setiap tahun. Dalam tempoh ini, jumlah keseluruhan kerugian adalah sebanyak RM251.8 juta, dengan jumlah kerugian purata setiap tahun adalah sebanyak RM17.99 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh pengurangan trafik pengguna khususnya segmen kenderaan selepas pembukaan Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1985 dan kos operasi feri yang semakin meningkat disebabkan kos penyelenggaraan serta harga *bunker*.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB TUAN LIM GUAN ENG**  
**[BAGAN]**  
**SOALAN** : **170**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kenapa usaha pembenihan awan secara besar-besaran tidak disegerakan memandangkan Super El Nino mencetuskan musim kemarau di mana hujan yang turun adalah 30% daripada purata biasa dan bukan sahaja menanggungkan penanaman padi tetapi juga menjejaskan bekalan air kepada 4 juta pengguna di 4 negeri di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak. Berapakah kosnya. Adakah mesyuarat tergepar Majlis Sumber Air Negara akan diadakan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa prihatin dan memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat serta memandang serius masalah yang dihadapi oleh rakyat kesan daripada fenomena El Niño yang menyebabkan cuaca panas dan kering serta kekurangan bekalan air. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) bagi menangani masalah kekurangan air di kawasan-kawasan tadahan

dan empangan di seluruh negara yang mengalami penyusutan paras air. Sepanjang tahun 2015, MOSTI telah melaksanakan 94 OPA bermula dari 24 Mac 2015 sehingga 17 Disember 2015. Kos OPA yang dibiayai oleh MetMalaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak RM780,000 manakala selebihnya adalah ditanggung oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Badan Pengurusan Air Johor (BAKAJ).

Pada tahun 2016 pula, OPA telah dijalankan bermula dari 7 April sehingga sekarang. Buat masa ini, OPA berpangkalan di tiga buah lapangan terbang berikut:

(i) **Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas**

OPA yang dijalankan adalah menggunakan pesawat swasta CESSNA 340A dan kaedah yang digunakan untuk operasi ini adalah kaedah pembenihan kering iaitu dengan pembakaran *flare* yang dipasang pada sayap pesawat. Kawasan sasaran adalah kawasan-kawasan tadahan dan empangan di utara Semenanjung termasuk Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak;

(ii) **Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang**

OPA yang dijalankan dengan menggunakan kaedah pembenihan basah iaitu menggunakan larutan air garam yang disemur ke dalam awan sasaran (*target cloud*) dari pesawat semasa penerbangan. Pesawat yang digunakan adalah pesawat TUDM C130H. Kawasan sasaran adalah kawasan-kawasan tadahan dan empangan di utara dan pantai barat Semenanjung, iaitu Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor; dan

(iii) **Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Labuan**

OPA ini juga menggunakan kaedah pembenihan basah dan pesawat yang digunakan juga adalah pesawat C130H. Kawasan sasaran adalah kawasan-kawasan di pantai barat Sabah dan utara Sarawak.

Kejayaan untuk menghasilkan hujan bagi setiap OPA amat bergantung kepada faktor kesesuaian atmosfera, kewujudan awan kumulus menara ataupun awan hujan. Anggaran kos OPA yang bermula dari 7 April sehingga 6 Mei 2016 bagi penerbangan pesawat TUDM C130H adalah RM970,000. Manakala bagi penggunaan pesawat CESSNA 340A pula, anggaran kos keseluruhan adalah RM480,000.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berhubung keadaan bekalan air di negeri-negeri utara Semenanjung, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah mitigasi bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Keadaan Loji Rawatan Air (LRA) Timah Tasoh, Perlis dilaporkan telah kembali pulih sepenuhnya. Manakala di Kedah, kekurangan pengeluaran air terawat di loji Bukit Tupah, Merbuk dan Gurun sedang diatasi dengan penyaluran air dari LRA Sungai Petani dan LRA Jeniang Baru dan Jeniang Lama. Kerajaan juga membuat penghantaran bekalan air secara berjadual menggunakan lori tangki.

Negeri Perak juga mengalami masalah kekurangan pengeluaran air terawat di LRA Taiping Headworks dan Lembaga Air Perak telah mengambil langkah proaktif meningkatkan kapasiti pengeluaran air

daripada LRA Gunung Semanggol untuk mengatasi defisit tersebut. Manakala keadaan bekalan air di Pulau Pinang setakat ini adalah terkawal serta mempunyai simpanan air mentah yang mampu menampung keperluan semasa di negeri berkenaan.

Kerajaan amat peka dan memandang serius isu kekurangan bekalan air di dalam negara. Susulan itu, Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) ke-11 akan diadakan dalam masa terdekat iaitu pada 26 Mei 2016 yang akan memberi fokus kepada isu-isu dan usaha-usaha menangani krisis air dan cuaca panas dan kering yang melanda negara pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.